

16 Mac 2018

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

MyPUSPAKOM KINI DI PULAU PINANG, KEDAH, PERLIS DAN PERAK

Shah Alam, 16 Mac – Mulai dari bulan Mac 2018, pelanggan PUSPAKOM di Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak boleh membuat temujanji pemeriksaan dalam talian melalui website www.mypuspakom.com.my atau melalui applikasi MyPUSPAKOM yang boleh dimuat turun dari katalog Google Play.

Dengan menggunakan sistem MyPUSPAKOM, pelanggan bukan sahaja boleh membuat temujanji, malah boleh membuat bayaran secara dalam talian. Pelanggan yang membuat temujanji menggunakan sistem MyPUSPAKOM hanya perlu membayar caj pemprosesan sebanyak RM3.50.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata pelancaran ini adalah susulan perlaksanaan sistem yang sama di Lembah Klang tahun lalu.

“MyPUSPAKOM yang dilaksanakan di Lembah Klang sejak enam bulan lalu telah menerima banyak maklumbalas positif daripada pelanggan. Rekod kami menunjukkan hampir 30,000 pelanggan dan syarikat telah berdaftar dengan MyPUSPAKOM dalam tempoh enam bulan tersebut,” jelas Shukor.

“Pelanggan kini boleh membuat temujanji dan pembayaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan hanya menggunakan peralatan mudah-alih atau telefon bimbit. Dengan memanfaatkan teknologi digital di era perniagaan baru, pengenalan MyPUSPAKOM adalah sangat tepat di mana pelanggan boleh mengawal proses temujanji dengan memilih slot temujanji sehingga enam bulan ke hadapan,” tambah beliau.

Sistem ini membolehkan pelanggan menyusun temujanji secara lebih terancang, selain dapat mengetahui caj sebenar pemeriksaan. Ini akan mengelakkan pengaruh luar selain menghapuskan risiko dikenakan caj perkhidmatan yang tinggi oleh orang tengah ataupun pihak luar. Setiap transaksi yang berjaya akan diberikan satu kod QR, dan pada tarikh temujanji, pelanggan hanya perlu memandu ke lorong temujanji yang ditetapkan, imbas kod

QR di tablet atau terminal pengimbas dan pemeriksaan akan dilakukan. Melalui sistem ini, pemeriksaan hanya mengambil masa kurang dari 1 jam bermula dari masa mengimbas kod QR dan pelanggan-pelanggan tidak perlu menunggu lama untuk pemeriksaan kenderaan mereka, membolehkan mereka mengurus masa mereka dengan lebih baik dan berkesan.

“Kami sentiasa berusaha menambahbaik perkhidmatan selaras dengan kehendak pelanggan dalam memberi kemudahan pemeriksaan kenderaan yang telus dan efisien. Sehubungan dengan itu, kami menggalakkan pelanggan agar menggunakan MyPUSPAKOM bagi memudahkan proses temujanji,” kata Shukor.

Berikut adalah ketetapan pelaksanaan MyPUSPAKOM di negeri-negeri berkenaan :

TARIKH MyPUSPAKOM BERKUATKUASA	SLOT PEMERIKSAAN MULA DITERIMA	CAWANGAN TERLIBAT
Mulai hari ini	22 Mac 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Batu Maung, Pulau Pinang ▪ Perai, Pulau Pinang
	27 Mac 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Alor Setar, Kedah ▪ Sungai Petani, Kedah
	29 Mac 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Arau, Perlis ▪ Langkawi, Kedah
	3 April 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mak Mandin, Pulau Pinang ▪ Teluk Kumbar, Pulau Pinang
	5 April 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Taiping, Perak
	10 April 2018	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Teluk Intan, Perak ▪ Ipoh, Perak ▪ Manjung, Perak

Pelanggan yang hadir secara 'walk-in' tetap akan diterima.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh merujuk:

- **Pusat Bantuan Khidmat Pelanggan 1-800-22-2210**
- **Aplikasi MyPUSPAKOM (muat turun aplikasi di Google Play)**
- **Laman sesawang – www.mypuspakom.com.my**
- **Facebook – www.facebook.com/puspakomvehicleinspection**

- tamat -

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: 03-2052 7465 / 7322

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, tukar milik, pendaftaran kenderaan import dan pemeriksaan kenderaan sukarela.

Kapsyen: Pelanggan hanya perlu mengimbas kod QR di tablet atau terminal pengimbas untuk membuat daftar masuk semasa ketibaan dan boleh mengurus masa mereka dengan lebih baik dan berkesan.

